

Rakyat boleh kawal inflasi

B.H. 29 MAY 1993

KUALA LUMPUR, Jumaat — Rakyat perlu menyedari tanggungjawab dan menyumbang secara positif bagi membantu usaha kerajaan menghapuskan inflasi, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Beliau berkata, tanggungjawab rakyat amat penting kerana usaha yang dilaksanakan oleh kerajaan tidak cukup berkesan tanpa sokongan rakyat yang memegang kuasa membeli.

"Kerajaan meletakkan sasaran kepada tiada inflasi langsung. Mungkin ini sukar untuk dicapai, tapi kita akan berusaha kerana kita tahu sedikit sebanyak cara mengawal inflasi.

"Antaranya ialah masyarakat Malaysia mesti faham sebab inflasi berlaku dan tugas yang harus dilaksanakan oleh mereka. Ini amat penting dan kita akan mengambil tindakan sewajarnya," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat keempat Majlis Perdagangan Malaysia (MBC) di Ibu Pejabat Bank Negara, di sini petang ini.

Mesyuarat tertutup itu bermula kira-kira jam 9 pagi hingga jam 12 tengah hari dan disambung semu-

la kira-kira jam 2.30 petang hingga 5 petang.

Lima kertas kerja dibincangkan yang meliputi pelbagai aspek, termasuk pembabitan Bumiputera dalam perdagangan, teknologi maklumat serta industri kecil dan sederhana (SMI).

Dr Mahathir yang juga Pengerusi Jawatankuasa Kabinet Mengenai Inflasi berkata, soal inflasi tidak termasuk dalam agenda mesyuarat hari ini tetapi dibangkitkannya sendiri kerana ia adalah perkara penting.

Menurutnya, dalam mengawal inflasi, kadar upah bagi pekerja serta gaji dan kenaikan untuk eksekutif mestilah diseimbangkan agar tidak wujud jarak perbezaan yang terlalu ketara.

Beliau menegaskan, sebarang kenaikan kadar upah mestilah juga bersama-sama peningkatan produktiviti.

"Di samping itu, jarak antara pekerja dan eksekutif tidak harus menjadi terlalu luas dan eksekutif tidak harus menaikkan gaji mereka tanpa mengambil kira keperluan menjaga inflasi," katanya.

Perdana Menteri berkata, kerajaan terus berusaha

LIHAT MUKA 2

Rakyat perlu sedar tugas sebagai pembeli

DARI MUKA 1

ha mengawal kenaikan harga barang bagi menurunkan kadar inflasi manakala rakyat perlu sedar tugasnya sebagai pembeli.

"Bagi masyarakat, mereka harus tahu bahawa yang penting bukan jumlah pendapatan. Yang penting ialah kuasa membeli. Dengan duit yang sekian banyak, apa yang boleh dibeli.

"Kalaupun ditambah pendapatan, tapi harga barang naik, dia tidak boleh membeli lebih banyak daripada lama. Sebenarnya dia tak menjadi lebih kaya.

"Umpamanya di sesetengah negara, inflasinya naik sehingga 1,000 peratus setahun manakala gaji juga naik 1,000 peratus.

Ini bermakna tidak ada kelebihan berlaku," katanya.

Dr Mahathir berkata, apa yang kerajaan hendak ialah memastikan inflasi tidak naik, tetapi pendapatan rakyat meningkat.

Menurutnya, pendapatan rakyat boleh meningkat tanpa kenaikan inflasi hanya jika produktiviti meningkat iaitu jika bayaran gaji dinaikkan, pengeluaran mestilah ditingkatkan.

Beliau berkata, sekiranya kadar gaji naik, pengeluaran masih di tahap lama, maka ia akan menyebabkan inflasi berlaku.

"Umpamanya, kalau dengan bayaran RM100 kita dapat keluar 10 keping

barang. Kita bayar gaji RM200, dia masih keluar 10 keping barang, bermakna harga barang 10 keping itu meningkat dua kali ganda. Barang itu terpaksa dijual dengan harga yang mahal.

"Sebaliknya, kalau gaji naik RM100 kepada RM200, yang 10 keping tadi sudah jadi 20, sebenarnya tidak ada kenaikan. Lebih baik lagi kalau kenaikan barang yang dikeluarkan itu lebih daripada peratus kenaikan pendapatan. Gaji naik 100 peratus, tapi barang naik 150 peratus. Dengan itu kita dapat kawal inflasi, bahkan dapat menurunkannya," katanya.

Mengenai mesyuarat MBC, beliau berkata, banyak idea dikemukakan.